


Latihan Objektif


Aneka Pilihan

1. Rajah di bawah menunjukkan lukisan berskala bagi P.



Antara A, B, C dan D, yang manakah bukan lukisan berskala bagi P?

2. Antara berikut, yang manakah bukan tafsiran skala bagi suatu lukisan berskala?
- A Ukuran lukisan berskala
Ukuran objek
- B Ukuran lukisan berskala : Ukuran objek
- C 1 : n dengan keadaan n ialah integer positif atau pecahan
- D 1 : n dengan keadaan n ialah integer atau pecahan positif
3. Diberi skala bagi suatu lukisan berskala ialah 1 : n . Antara pernyataan berikut, yang manakah betul?
- A Jika $n = 2$, saiz lukisan berskala ialah 2 kali lebih besar daripada saiz objek
- B Jika $n = 3$, saiz lukisan berskala ialah 3 kali lebih kecil daripada saiz objek
- C Jika $n = \frac{1}{2}$, saiz objek ialah 2 kali lebih besar daripada saiz lukisan berskala
- D Jika $n = 0$, saiz objek adalah sama dengan saiz lukisan berskala
4. Rajah di bawah menunjukkan satu lukisan berskala dengan skala 1 : 5.



Apakah tinggi pokok yang sebenar?

- A 0.5 m B 5 m
C 20 m D 50 m

5. Rajah di bawah menunjukkan bendera tangan Jalur Gemilang.



Jika bendera ini dilukis semula dengan skala 1 : $\frac{1}{3}$, tentukan lebar bendera, dalam cm, pada lukisan berskala.

- A 5
B 15
C 45
D 150

6. Lingam melukis satu lukisan berskala bagi padang sekolahnya. Dia menggunakan skala 1 cm : 9 m. Jika lebar sebenar padang itu ialah 54 m, berapakah lebar padang, dalam cm, pada lukisan berskala yang dilukis oleh Lingam?

- A 6
B 9
C 54
D 486

7. Jarak di antara dua bandar pada peta ialah 2.6 cm. Skala peta itu ialah 1 cm : 50 km. Hitung jarak sebenar, dalam km, di antara dua bandar itu.

- A 100 B 130
C 70 D 150


8. Rajah di bawah menunjukkan sebuah peta. Jarak di antara Kg Rambutan dan Kg Duku ialah 24 cm.



Hitung jarak sebenar, dalam km, di antara dua kampung itu.


- A 32 B 80
C 96 D 192

9. Rajah di bawah menunjukkan lukisan berskala bagi sebuah pejabat dengan menggunakan skala 1 cm : 5 m.




Antara A, B, C dan D, yang manakah ukuran sebenarnya berukuran 15 m × 20 m?

10. Pada satu lukisan berskala yang dilukis dengan skala 1 : 150, panjang sebuah bilik ialah 5 cm. Nyatakan panjang sebenar, dalam m, bilik itu.
11. Rajah di bawah menunjukkan bentuk-bentuk yang dilukis pada grid segi empat sama.



Antara A, B, C dan D, yang manakah lukisan berskala bagi P?

12. Dengan menggunakan skala 1 : 50 000, seorang murid melukis sebatang jalan pada peta. Jika panjang sebenar jalan ialah 6 km, hitung panjang, dalam cm, jalan itu pada peta.
13. Rajah di bawah menunjukkan lukisan berskala bagi sebidang tanah lapang yang dibahagikan kepada empat bahagian.



Jika lukisan berskala ini dilukis dengan menggunakan skala 1 : 400, hitung luas, dalam m², bahagian R.

- A 24
B 48
C 96
D 240

14. Perimeter bagi sebuah segi empat tepat ialah 20 cm. Apabila dilukis pada satu lukisan berskala dengan menggunakan skala 1 : n, perimeter segi empat tepat itu ialah 80 cm. Tentukan nilai n.

- A $\frac{1}{4}$
B 4
C $\frac{1}{2}$
D 2

15. Rajah di bawah menunjukkan lukisan berskala bagi banting bendera Jalur Gemilang dengan menggunakan skala 1 : 3.



Apakah ukuran sebenar bendera ini?

- A 60 cm × 180 cm
B 90 cm × 270 cm
C 15 cm × 45 cm
D 10 cm × 30 cm

16. Rajah di bawah menunjukkan model replika kapal terbang yang direka dengan menggunakan skala 1 : 500.



Jika panjang sebenar kapal terbang itu ialah 150 m, hitung panjang, dalam cm, model replika kapal terbang ini.

- A 300
B 150
C 60
D 30

17. Lukisan berskala sebuah bilik yang berbentuk segi empat tepat dengan panjang 8 cm dan lebar 3 cm dilukis dengan menggunakan skala 1 : 200. Hitung luas sebenar, dalam m^2 , bilik itu.
A 24 B 48
C 96 D 192


18. Luas sebuah bilik berbentuk segi empat sama ialah 9 m^2 . Jika bilik itu dilukis pada lukisan berskala dengan menggunakan skala 1 : 50, berapakah panjang, dalam cm, bilik itu pada lukisan berskala? **KBAT K4**
A 6 B 9
C 12 D 15

19. Rajah di bawah menunjukkan lukisan berskala bagi gelanggang bola keranjang dengan menggunakan skala 1 : 250.



Tentukan ukuran sebenar gelanggang bola keranjang itu.

- A $14 \text{ m} \times 7.5 \text{ m}$
B $28 \text{ m} \times 15 \text{ m}$
C $28 \text{ m} \times 18 \text{ m}$
D $36 \text{ m} \times 15 \text{ m}$
20. Mariah melukis satu lukisan berskala bagi sebuah segi empat sama dengan skala 1 : $\frac{1}{3}$. Jika panjang sebenar sisi segi empat sama itu ialah 6 cm, hitung luas, dalam cm^2 , pada lukisan berskala.
- A 4 B 36
C 96 D 324
21. Rajah di bawah menunjukkan pelan sebuah tapak perusahaan kilang berbentuk trapezium.




Jika skala yang digunakan ialah 1 : 4, hitung luas sebenar, dalam cm^2 , tapak perusahaan kilang itu. **KBAT K4**

- A 175 B 700
C 2 800 D 5 600

22. Panjang sebenar jalan di sebuah kampung ialah 8 km dan panjangnya pada sebuah peta ialah 2 cm. Cari skala yang digunakan.
A 1 : 400 000 B 1 : 40 000
C 1 : 40 D 1 : 4

23. Rajah di bawah menunjukkan lukisan berskala bagi sebuah lukisan yang berbentuk segi empat tepat.



Jika skala yang digunakan ialah 1 : 5, hitung luas sebenar, dalam cm^2 , lukisan itu.


- A 35 B 120
C 175 D 875
24. Sebuah segi empat sama mempunyai luas 36 cm^2 dan luas bagi lukisan berskalanya ialah 144 cm^2 . Jika skala yang digunakan ialah 1 : x , cari nilai x . **KBAT K4**

- A $\frac{1}{2}$ B 1
C 2 D 4

25. Perimeter bagi segi empat sama P dan segi empat sama Q masing-masing ialah 32 cm dan 8 cm. Diberi segi empat sama P adalah lukisan berskala bagi segi empat sama Q , cari skala yang digunakan.

- A 1 : 2 B 1 : 4
C 1 : $\frac{1}{2}$ D 1 : $\frac{1}{4}$

26. Rajah di bawah menunjukkan dua bulatan. Q ialah lukisan berskala bagi P .



Diberi luas bulatan P dan bulatan Q masing-masing ialah 1386 cm^2 dan 154 cm^2 , cari skala yang digunakan. **KBAT K4**

- A 1 : $\frac{1}{3}$ B 1 : 3
C 1 : $\frac{1}{7}$ D 1 : 7